

# Tugas ADUN bukan kumpul kekayaan

UM 27 JUL

KUALA LUMPUR 26 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan wakil-wakil rakyat bahawa tugas dan tanggungjawab mereka bukan untuk mengumpul kekayaan menerusi tender-tender kerajaan.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, wakil rakyat perlu mempunyai sikap amanah dengan memberikan khidmat terbaik kepada rakyat di kawasan yang mereka wakili.

Beliau bagaimanapun kesal kerana ada daripada kalangan mereka yang menjadikan jawatan wakil rakyat sebagai landasan dan peluang bagi mereka menjadi kaya dengan mendapatkan seberapa banyak kontrak kerajaan.

“Dia (wakil rakyat tertentu) hanya hendak kontrak sahaja sedangkan bukan bererti dia dapat kontrak dia akan menjadi jutawan.

“Dia (sepatutnya) kena jadi wakil kita, itu sahaja,” katanya ketika melancarkan Gerakan Daya Wawasan di hadapan kira-kira 10,000 pemimpin masyarakat luar bandar di Stadium Putra Bukit Jalil di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun peranan wakil rakyat adalah sebagai mewakili masyarakat, namun terdapat daripada kalangan mereka yang tidak berminat dengan tugas itu.

Berikutan itu, Perdana Menteri sekali lagi mengingatkan bahawa mana-mana wakil rakyat yang tidak amanah dan gagal menjalankan tugas akan digurukan pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, wakil-wakil seumpama itu akan diganti dengan mereka yang boleh menjalankan tugas sebagai wakil kepada rakyat di kawasan mereka.

“Jadi, kalau kita jumpa orang (wakil rakyat) yang kita tidak berapa percaya, usahlah pilih dia. Kita kena tukar wakil rakyat itu kepada orang yang boleh bekerja untuk rakyat,” katanya.

Menurutnya, terdapat juga wakil rakyat yang bersikap baik pada peringkat awal tetapi kemudiannya berubah sikap dan melupakan tanggungjawabnya kepada para pengundi mereka.

Sambil menekankan pentingnya sikap amanah, beliau berkata, nilai mulia itu perlu dimiliki oleh semua orang dan bukan hanya di kalangan wakil rakyat. Perdana Menteri dan menteri-menteri sahaja.

“Bila diberi sesuatu tugas, kita jalankan tugas dengan penuh ikhlas sehingga berjaya dilaksanakan,” tegasnya.

Ketika diminta menpulas perkara itu pada sidang akhbar kemudian, Dr. Mahathir berkata, terdapat wakil rakyat yang tidak menjalankan tugas tetapi masih mahu dicalonkan dalam pilihan raya.

Tetapi, katanya, ada juga wakil rakyat yang tidak pernah selesai tugas mereka mahu digantikan dengan orang lain.

“Itu adalah antara kesukaran untuk menjadi calon (pilihan raya),” katanya.

Jelasnya, di dalam masyarakat, sikap mulia seperti amanah adalah satu nilai tinggi dan ia dituntut oleh agama dan sekiranya nilai-nilai itu dipegang, sesebuah masyarakat itu akan berjaya.

Sementara itu, Dr. Mahathir turut mengatakan rasa kecewa berikutan meningkatnya masalah sosial dan jenayah scjak akhir-akhir ini.

Menurutnya, ini berikutan daripada gaya hidup yang diamalkan masa kini termasuk kesan negatif akibat daripada menonton filem-filem lucah.

Beliau percaya kanak-kanak yang melihatnya akan bertindak ganas dan tidak lagi mempunyai pertimbangan terhadap apa yang dilakukannya.